



MPC(PCD) 600.4/1

11 Januari 2021

En. Mohd Shahidi Ismail,
A-17-15, Trefoil @ Setia City
Jalan Setia Dagang AH U13/AH
40170 Shah Alam

Tuan,

**LANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR UNTUK PENYEDIAAN GARIS PANDUAN
BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI GUIDELINE) e-Book BAGI KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) agensi berkanun dibawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah diberi mandat untuk melaksanakan projek Behavioural Insights (BI) pada tahun 2020. Pendekatan behavioural insights dalam penggubalan polisi awam telah banyak digunapakai di negara-negara maju sejak 2010. Behavioural insights merupakan alat polisi yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan. Behavioural Insights mengambilkira pelbagai disiplin ilmu seperti sains tingkah laku dan sosial termasuk pembuatan keputusan, psikologi, sains kognitif dan neurosains supaya sesuatu polisi yang digubal lebih berkesan dan mencapai kadar pematuhan peraturan yang tinggi.

3. Sehubungan dengan itu, MPC berhasrat untuk memperkenalkan Behavioural Insights dalam penggubalan polisi di masa akan datang sebagai tambahan kepada alat polisi konvensional sedia ada. Justeru itu, kami akan melaksanakan beberapa inisiatif ke arah mewujudkan kesedaran mengenai BI terutamanya kepada pemegang taruh, ahli akademik, sektor awam dan swasta serta masyarakat umumnya. Antara inisiatif yang akan dibangunkan adalah penyediaan garis panduan Behavioural Insights bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

4. Bagi tujuan ini, MPC ingin melantik tuan sebagai Tenaga Pakar bagi perkhidmatan ini berdasarkan penglibatan, pengalaman dan kepakaran tuan dalam bidang BI sejak ia mula dilaksanakan dari tahun 2020. Bersama- sama ini juga disertakan Surat Setuju Terima (Lampiran 1) dan Terma Rujukan (Lampiran 2) untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Kerjasama tuan dipohon untuk mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah lengkap diisi kepada kami selewat-lewatnya pada **15 Januari 2021 (Jumaat)** untuk tujuan selanjutnya.

[2]

Sebarang pertanyaan boleh hubungi En. Edward Binty di talian 013-8793417 (edward@mpc.gov.my) atau Puan Shanthini Tamadoram di talian 012-2880144 (shanthini@mpc.gov.my)

5. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

‘MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID)

Timbalan Pengarah,
Seksyen Daya Saing
Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)